

**HASiL**

# KENYATAAN MEDIA

**SIARAN SEGERA****HASiL/2023/06/12 - 45**

## **PEMBERHENTIAN PENERIMAAN CEK DAN *MONEY ORDER/POSTAL ORDER (MOPO)* SEBAGAI INSTRUMEN TERIMAAN BAYARAN DI HASiL**

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan tentang pemberhentian penerimaan cek dan *Money Order/Postal Order (MOPO)* sebagai instrumen terimaan bagi bayaran cukai langsung di semua Pusat Pengurusan Terimaan HASiL (PPTH), Kaunter Bayaran Duti Setem, bank dan pejabat pos yang menjadi ejen kutipan bayaran HASiL.
2. Tarikh pelaksanaan pemberhentian penerimaan cek dan MOPO adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Pusat Terimaan Bayaran</b>	<b>Jenis Instrumen</b>	<b>Tarikh Pelaksanaan Pemberhentian</b>
1.	PPTH Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu	Cek/MOPO	01 Ogos 2023
2.	Bank Ejen Lantikan HASiL		
	CIMB Bank	Cek	01 Ogos 2023
	Maybank Berhad	Cek	01 Jun 2023
	Public Bank Berhad	Cek	01 Jun 2023

Bil.	Pusat Terimaan Bayaran	Jenis Instrumen	Tarikh Pelaksanaan Pemberhentian
3.	Pejabat Pos	MOPO	01 Ogos 2023
4.	Kaunter Bayaran Duti Setem	Cek/MOPO	01 Julai 2023

3. Pelaksanaan ini terpakai bagi semua jenis bayaran cukai langsung **kecuali**:
- Bayaran cukai pendapatan bagi bayaran pendahuluan dan ansuran kes audit, siasatan dan guaman sivil menggunakan *Cek/Post Dated Cheque* (PDC) yang telah dikemukakan kepada HASiL sebelum 01 Ogos 2023; dan
  - Bayaran potongan cukai 2% terhadap pembayaran komisen oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih (Seksyen 107D, Akta Cukai Pendapatan 1967).
4. Saluran bayaran yang akan terlibat dengan pelaksanaan pemberhentian penerimaan cek dan MOPO ini adalah seperti berikut:
- Kaunter Bayaran PPTH Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu;
  - Kaunter bayaran bank dan Pos Malaysia yang menjadi ejen kutipan HASiL;
  - Mesin Deposit Cek (CDM) di bank yang menjadi ejen kutipan HASiL;
  - Bayaran cukai pendapatan yang dihantar melalui pos atau kurier; dan
  - Kaunter Bayaran Duti Setem di Pejabat Satelit / Pejabat Setem Negeri.
5. Selepas 01 Ogos 2023, pembayaran cukai langsung bagi saluran PPTH, bank ejen HASiL dan pejabat pos dengan menggunakan Nombor Bil atau Nombor Pengenalan Cukai/*Tax Identification Number* (TIN) boleh dilaksanakan melalui medium berikut:

Pusat Pengurusan Terimaan HASiL (PPTH)		
Jenis Bayaran Cukai (Menggunakan Nombor Bil/TIN)		Medium Bayaran
1.	Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) – Pegangan cukai 3% oleh pemeroleh hartanah di bawah seksyen 21B Akta CKHT 1976 (Borang CKHT502)	Tunai Bank draf
2.	Cukai Pendapatan Penghibur Awam (Seniman Kembara)	Tunai Bank draf
3.	Cukai Pegangan	Tunai Bank draf
4.	Bayaran Kompaun	Tunai Bank draf

	Jenis Bayaran Cukai	Medium Bayaran	
		Sistem PCB	Kaedah Bayaran
1.	Potongan Cukai Bulanan (PCB) Menggunakan Nombor Virtual Akaun (VA) dari Sistem PCB HASiL (e-DATA/e-PCB/e-CP39) sebagai nombor akaun	e-DATA	<ul style="list-style-type: none"> <li>Financial Exchange Process (FPX)</li> <li>TT/EFT/IBG</li> <li>Tunai</li> <li>Bank Draf</li> </ul>
		e-PCB	<ul style="list-style-type: none"> <li>FPX</li> <li>TT/EFT/IBG</li> <li>Tunai</li> <li>Bank Draf</li> </ul>
		e-CP39	<ul style="list-style-type: none"> <li>FPX</li> <li>TT/EFT/IBG</li> <li>Perbankan Internet Public Bank Berhad (PBB) (terhad kepada pelanggan PBB sahaja)</li> <li>Tunai</li> <li>Bank Draf</li> </ul>
2.	Cukai Pendapatan (Menggunakan Nombor Bil bagi bank terpilih/TIN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>TT/EFT/IBG</li> <li>Tunai</li> <li>Bank Draf</li> </ul>	

Pos Malaysia		
Jenis Bayaran Cukai (Menggunakan TIN)		Medium Bayaran
1.	Potongan Cukai Bulanan (PCB)	Tunai sahaja
2.	Cukai Pendapatan	Tunai sahaja

6. Medium bagi bayaran Duti Setem di Kaunter Bayaran Duti Setem di Pejabat Satelit/Pejabat Setem Negeri selepas 01 Julai 2023 adalah seperti berikut:

Jenis Bayaran Cukai		Medium Bayaran
1.	Duti Setem	Bank Draf sahaja

7. Pembayaran cukai langsung boleh terus dilaksanakan dengan menggunakan Nombor Bil atau Nombor Pengenalan Cukai/*Tax Identification Number* (TIN) menerusi medium berikut:
- Secara dalam talian melalui Portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> menerusi ByrHASiL;
  - Secara dalam talian menerusi portal perbankan internet Bank Ejen HASiL;
  - Secara tunai menerusi Kaunter Pos Malaysia dan Bank Ejen HASiL;
  - Secara tunai menerusi Mesin Deposit Tunai Bank Ejen tertentu;
  - Secara tunai menerusi Mesin Juruwang Automatik (ATM) Bank Ejen tertentu;
- atau
- Menerusi Pindahan Telegrafik (Telegraphic Transfer), Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Pindahan Giro Antara Bank (IBG) menggunakan **Sistem e-TT** bagi pembayar cukai yang mempunyai akaun bank di Malaysia dan juga pembayar cukai yang mempunyai akaun bank di luar Malaysia.

8. Pembayaran Duti Setem boleh dilaksanakan secara dalam talian (medium FPX) menerusi CIMB Bizz Channel ataupun Public Bank menerusi Aplikasi STAMPS di <https://stamps.hasil.gov.my/stamps/>.
9. Maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan bayaran boleh dirujuk pada portal rasmi HASiL dengan langkah mudah seperti berikut:
- **Perkhidmatan > Individu > Kitaran Cukai Individu > Bayaran** atau;
  - **Perkhidmatan > Syarikat > Pembayaran Cukai Syarikat > Kaedah Pembayaran.**
10. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:
- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
  - b) HASiL Live Chat; dan
  - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/public>.

# # #

SEKIAN, TERIMA KASIH

**Dikeluarkan Oleh:****Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)**Tarikh: 12 Jun 2023**